



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PENDIDIKAN PELBAGAI BUDAYA DAN PENERAPANNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN NASIONAL: APLIKASI PENDEKATAN DELPHI**

**SAMSUDIN BIN SUHAILI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT ALAM DAN TAMADUN MELAYU  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi ALLAH S.W.T, Tuhan sekalian alam yang melimpahkan segala rahmat dan kurnia-Nya sehingga kajian ini dapat disempurnakan seperti adanya. Ungkapan jutaan terima kasih yang pastinya tiada mampu dibalas sehingga akhir masa diucapkan kepada Penyelia saya, Profesor Dr. Robiah Sidin, Felo Penyelidik Utama ATMA, UKM, yang telah memberi bantuan yang begitu bermakna berupa bimbingan, pandangan dan cadangan bernas sepanjang kajian ini dijalankan sehinggalah beliau bersara dari ATMA, UKM pada tahun 2008. Ternyata kepakaran, ketokohan dan pengalaman luas beliau dalam bidang pendidikan begitu banyak membantu dalam memastikan kajian ini berada di landasan yang sewajarnya. Sebaik sahaja persaraan Profesor Dr. Robiah Sidin, tugas penyelian tesis ini telah diambil alih oleh Profesor Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Felo Penyelidik Utama ATMA, UKM sebagai Penyelia sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Sewajarnyalah juga saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada beliau selaku Penyelia yang begitu sabar dan ikhlas tanpa rasa jemu dalam melayani segala kelemahan dan kekurangan yang ada dalam kajian ini. Pandangan kritis dan membina yang diberikan oleh Profesor Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir begitu bermakna bagi memastikan tujuan penghasilan kajian dapat dicapai. Hanya ALLAH S.W.T sahaja yang akan membala segala budi dan pengorbanan kedua-dua Penyelia saya selama ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua individu sama ada di sekolah, institut pendidikan guru, universiti dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang sudi menjadi responden dalam kajian ini. Terima kasih atas masa, tenaga dan kepakaran yang telah dicurahkan demi membantu dalam menggerakkan usaha dalam kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku majikan, yang telah menghulurkan pelbagai sokongan dan bantuan kepada saya khususnya dari segi pelepasan cuti belajar dan pembiayaan pengajian.

Untuk isteri tercinta, Norliza binti Jamaluddin, terima kasih yang tiada bertepi atas bantuan dan sokongan moral serta kata-kata semangat yang diberikan selama ini. Atas keprihatinan dan segala doa daripada ahli keluarga serta sanak saudara, hanya ucapan ribuan terima kasih yang mampu diungkapkan. Sesungguhnya, hasil kerja ini adalah milik kita bersama.





## ABSTRAK

Sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pemupukan perpaduan nasional telah dilakukan dengan pelbagai kaedah dan strategi termasuklah dalam bidang pendidikan. Pada asalnya tumpuan adalah terhadap usaha mengintegrasikan tiga kaum utama di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India. Dengan perkembangan terbaru dalam sistem pendidikan nasional, dan ditambah dengan cabaran terkini dalam kepelbagaian budaya penduduk serta interaksi yang semakin global, suatu pendekatan baharu wajar diteliti bagi mengetengahkan perpaduan sebagai satu agenda utama dalam pendidikan di negara ini. Dalam hal ini, pendekatan baharu melalui Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB) dilihat sebagai satu strategi yang boleh diketengahkan bagi mendepani permasalahan berkenaan. PPB merupakan suatu kerangka konsep yang memberi penekanan kepada kepentingan mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam masyarakat majmuk. Menerusi strategi pelaksanaannya, PPB bermatlamat meningkatkan persefahaman, toleransi dan perpaduan antara ahli masyarakat tanpa mengira perbezaan etnik, budaya, kelas sosial, gender dan keupayaan mental atau fizikal. Kajian ini secara umumnya meneliti kerangka PPB berdasarkan Model Dimensi PPB yang telah dibina dalam hubungannya dengan sistem pendidikan di Malaysia. Secara khususnya pula, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan pakar tentang konsep, prinsip, falsafah, matlamat dan strategi PPB dalam konteks sistem pendidikan nasional. Seterusnya, kajian ini turut mengetengahkan cadangan tentang peri pentingnya PPB dilaksanakan bagi memenuhi agenda perpaduan kaum yang lebih mantap. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah Delphi sebanyak tiga pusingan soal selidik bagi memperoleh maklum balas daripada sekumpulan pakar yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria khusus. Hasil analisis maklum balas pakar digunakan dalam membuat keputusan tentang keperluan dan jangkaan terhadap PPB. Kaedah ini juga digunakan bagi menentukan kesesuaian dan keberkesanannya pelaksanaan PPB di negara ini pada masa hadapan. Hasil kajian menunjukkan dengan jelas jumlah peratusan yang munasabah tentang tiga perkara: pertama, tentang wujudnya keperluan untuk pelaksanaan PPB; kedua, tentang wujudnya potensi PPB diterima; dan ketiga, tentang keberkesanannya pelaksanaan PPB dalam sistem pendidikan negara. Secara khusus, penerapan PPB dalam sistem pendidikan boleh menyediakan ruang dan kesempatan yang lebih baik untuk memenuhi tuntutan menyatupadukan masyarakat berbilang budaya. Di samping itu, penerapan PPB ini juga boleh dijalankan dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Secara keseluruhannya, PPB turut diperakui sebagai strategi terbaik untuk melengkapkan fungsi pendidikan sebagai pembentuk insan yang seimbang. Ini adalah sejajar dengan pelan bertindak bagi menghadapi cabaran masa hadapan dalam masyarakat moden Malaysia.





## MULTICULTURAL EDUCATION AND ITS APPLICATION IN THE NATIONAL EDUCATION SYSTEM: DELPHI APPROACH

### ABSTRACT

The promotion of national unity through education has been a priority in Malaysia since the country gained its independence in 1957. Back then, the focus was integration of the three major ethnic groups, namely the Malays, Chinese and Indians. However, contemporary development in the era of globalisation has witnessed a more heterogeneous Malaysian society, thereby presenting us with new challenges in the education system. Therefore, a new approach in promoting unity through education is very much called for. Thus, this study proposes the Multicultural Education (MCE) framework. MCE is a conceptual framework that emphasises the importance of acknowledging cultural diversity in a multicultural society. MCE, through its implementation strategies, aims at promoting understanding, tolerance and unity among members of the society regardless of their ethnicity, culture, social class, gender or physical and mental abilities. This study is undertaken to investigate MCE's framework in the context of the Malaysian education system. To that end, a model, based on MCE and named The PPB Dimension Model, was developed and is used as the basis of the study, whose objective is to gather views of experts on the MCE's concept, principles, philosophy, objectives and strategies in relation to the national education system. This study also highlights suggestions, forwarded by the experts, on the importance of implementing MCE to expand the national agenda on promoting unity. This study employed the Delphi method, where a three-round questionnaires was used to obtain feedback from a group of experts who were chosen based on specific criteria. Their feedback were analysed and decision was made on the needs of and expectations toward MCE. This technique is also used to determine the suitability and effectiveness of MCE for future application in the Malaysian context. The findings of this study clearly indicate a reasonable percentage in three main areas: firstly, in the need to implement MCE; secondly, in MCE's potential for acceptance; thirdly, in MCE's effective implementation in the national system. In particular, implementation of MCE in the education system can provide the necessary space and opportunity to integrate Malaysians of various multicultural backgrounds. In addition, its implementation can be undertaken more comprehensively and effectively. Overall, MCE is recognized as a viable strategy to complement the function of education to develop students with a balanced personality. This is in tandem with the overall action plan to face whatever future challenges a modern Malaysian society might encounter.





## KANDUNGAN

### Halaman

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI ILUSTRASI</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

### **BAB I PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Masyarakat Majmuk dan Kepelbagai Budaya di Malaysia	2
1.2.2 Pendidikan Pelbagai Budaya dan Sistem Pendidikan Nasional	8
1.2.3 Pendidikan Pelbagai Budaya Sebagai Pelengkap	19
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	25
1.4 Persoalan Kajian	29
1.5 Objektif Kajian	30
1.6 Kerangka Kajian	31
1.7 Kepentingan Kajian	37
1.8 Batasan Kajian	40
1.9 Penutup	41

### **BAB II TINJAUAN KAJIAN LAMPAU**

2.1 Pengenalan	42
2.2 Latar Belakang Masyarakat Majmuk Malaysia	42





2.3	Ciri dan Asas Kebudayaan	49
2.4	Pluralisme dan Multiculturalism	52
2.5	Pendidikan di Malaysia	56
2.6	Pengertian dan Konsep Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB)	62
2.7	Latar Belakang Kemunculan PPB	67
2.8	Kepustakaan Kaedah Delphi	87
2.9	Penutup	93

### BAB III KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	94
3.2	Ciri dan Penggunaan Kaedah Delphi	94
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	100
3.3.1	Soal Selidik Delphi	100
3.4	Analisis Data	103
3.5	Proses dan Kriteria Pemilihan Pakar	104
3.6	Populasi dan Latar Belakang Responden	110
3.7	Bidang dan Kepakaran Responden	115
3.8	Hasil Penyelidikan dan Pembentangan Pakar	116
3.9	Penulisan Karya Ilmiah oleh Pakar	118
3.10	Keahlian Pakar Dalam Badan Profesional dan Bukan Kerajaan	120
3.11	Jawatan dan Anugerah Pakar	120
3.12	Penutup	121

### BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	122
-----	------------	-----





4.2	Latar Belakang Responden	122
4.3	Penilaian dan Pandangan Responden	124
4.3.1	Penilaian dan Pandangan Responden - Pusingan 1	125
4.3.2	Keputusan Penilaian Responden - Pusingan 2	153
4.3.3	Keputusan Penilaian Responden - Pusingan 3	179
4.4	Penutup	202

## BAB V RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	203
5.2	Rumusan	203
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	209
5.3.1	Pandangan pakar tentang Konsep, Prinsip dan Falsafah PPB	209
5.3.2	Pandangan pakar tentang Matlamat, Kepentingan dan Pelaksanaan PPB dalam Sistem Pendidikan Nasional	211
5.3.3	Keperluan dan Kesesuaian Penerapan PPB dalam Sistem Pendidikan Nasional	212
5.4	Cadangan dan Kajian Hadapan	217
5.5	Penutup	218
	<b>RUJUKAN</b>	<b>219</b>

## LAMPIRAN

A	Surat Persetujuan Menjadi Responden	242
B	Surat Sokongan Penyelia	243
C	Soal Selidik Pusingan 1	244
D	Soal Selidik Pusingan 2	259
E	Soal Selidik Pusingan 3	282
F	Surat Penghargaan	314





## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Warganegara Malaysia Mengikut Kaum bagi Tahun 1991, 2000 dan Suku Kedua 2006	3
1.2	Pecahan Kaum Mengikut Negeri bagi Tahun 2000 (%)	4
1.3	Agama dan Anutan Penduduk Malaysia bagi Tahun 2000	6
1.4	Penduduk Bumiputera di Sabah dan Sarawak Mengikut Suku Kaum 2000	7
3.1	Penyataan Mengikut Aspek Dalam Soal Selidik- Pusingan 2 dan 3	102
3.2	Latar Belakang Iktisas Responden	111
3.3	Agihan Responden Dari Aspek Etnik, Gender dan Institusi	114
4.1	Pemulangan Soal Selidik- Pusingan 1, 2 dan 3	123
4.2	Latar Belakang Responden- Pusingan 1	124
4.3	Penilaian dan Pandangan Responden- Pusingan 1	126
4.4	Jawapan Keseluruhan- Pusingan 2	155
4.5	Konsep, Falsafah dan Prinsip PPB- Jawapan Pusingan 2	156
4.6	Matlamat PPB- Jawapan Pusingan 2	160
4.7	Kepentingan PPB- Jawapan Pusingan 2	163
4.8	Pendidikan Guru Dalam PPB- Jawapan Pusingan 2	166
4.9	Pendidikan Murid Dalam PPB- Jawapan Pusingan 2	168
4.10	Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Dalam PPB- Jawapan Pusingan 2	171
4.11	Kurikulum PPB- Jawapan Pusingan 2	173
4.12	Pedagogi PPB- Jawapan Pusingan 2	176
4.13	Pengukuran dan Penilaian PPB- Jawapan Pusingan 2	178





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

4.14	Jawapan Keseluruhan- Pusingan 3	180
4.15	Konsep, Falsafah dan Prinsip PPB- Jawapan Pusingan 3	182
4.16	Matlamat PPB- Jawapan Pusingan 3	185
4.17	Kepentingan PPB- Jawapan Pusingan 3	188
4.18	Pendidikan Guru Dalam PPB- Jawapan Pusingan 3	190
4.19	Pendidikan Murid Dalam PPB- Jawapan Pusingan 3	192
4.20	Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Dalam PPB- Jawapan Pusingan 3	194
4.21	Kurikulum PPB- Jawapan Pusingan 3	196
4.22	Pedagogi PPB- Jawapan Pusingan 3	199
4.23	Pengukuran dan Penilaian PPB- Jawapan Pusingan 3	201



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah	Halaman
1.1 Model Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB)	36
4.1 Penilaian dan Pandangan Terhadap Konsep PPB	133
4.2 Penilaian dan Pandangan Terhadap Falsafah dan Prinsip PPB	135
4.3 Penilaian dan Pandangan Terhadap Matlamat dan Pencapaian PPB	139
4.4 Penilaian dan Pandangan Terhadap Kepentingan PPB	141
4.5 Penilaian dan Pandangan Terhadap Pendidikan Guru dalam PPB	143
4.6 Penilaian dan Pandangan Terhadap Pendidikan Murid dalam PPB	145
4.7 Penilaian dan Pandangan Terhadap Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah dalam PPB	146
4.8 Penilaian dan Pandangan Terhadap Kurikulum PPB	149
4.9 Penilaian dan Pandangan Terhadap Pengukuran dan Penilaian PPB	152





## SENARAI SINGKATAN

DBK	-	Dasar Bahasa Kebangsaan
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DKK	-	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
DPK	-	Dasar Pendidikan Kebangsaan
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GERAKAN	-	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MCA	-	Malaysian Chinese Association
MIC	-	Malaysian Indian Congress
NGO	-	Non-Governmental Organization
PERKAMA	-	Persatuan Kaunseling Malaysia
PERTIWI	-	Persatuan Tindakan Wanita Islam Malaysia
PPB	-	Pendidikan Pelbagai Budaya
SJK	-	Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	-	Sekolah Kebangsaan
TM	-	Tanah Melayu
UIA	-	Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	-	Universiti Teknologi MARA
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UMNO	-	United Malays National Organisation
UNITAR	-	Universiti Tun Abdul Razak
UPM	-	Universiti Putra Malaysia





## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Pemupukan perpaduan nasional dalam sesebuah masyarakat berbilang kaum merupakan proses yang amat kompleks dan mengambil masa yang panjang. Melalui proses ini, pelbagai kaum dengan latar belakang sosiobudaya yang berbeza disatupadukan ke dalam sebuah entiti yang kukuh. Di Malaysia, kepelbagaian latar budaya masyarakat pada amnya telah diconarkan oleh sistem pemerintahan penjajah khususnya imperialism Inggeris. Melalui dasar pecah dan perintah, Inggeris telah membentuk ciri-ciri baharu dalam pola kehidupan penduduk di Tanah Melayu. Masyarakat menjadi lebih majmuk dengan amalan dan gaya hidup yang berbeza antara satu sama lain.

Dalam masyarakat majmuk, perpaduan dan persefahaman perlu dipupuk agar setiap kaum bersedia dan berupaya memahami elemen-elemen penting budaya kaum-kaum lain. Ini adalah kerana kemakmuran sesebuah negara hanya dapat dicapai dengan adanya sebuah masyarakat yang boleh bertolak ansur dan saling memahami. Selaras dengan keperluan di atas, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan Tanah Melayu apabila negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Usaha tersebut termasuklah dasar-dasar pendidikan yang menjadikan perpaduan sebagai salah satu agenda utama dalam pelaksanaannya. Sehubungan itu, pelbagai strategi telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan nasional, namun permasalahan berkaitan perpaduan nasional masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Beberapa pendekatan yang diambil selama ini pula tidak begitu memberikan hasil yang boleh dibanggakan.





Dalam konteks inilah, Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB) disarankan sebagai satu strategi baharu untuk difikirkan dengan serius.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

*Multicultural Education* atau Pendidikan Pelbagai Budaya (seterusnya digunakan Pendidikan Pelbagai Budaya dengan rujukan singkat PPB) ialah suatu proses dalam pendidikan yang membawa konsep berasaskan prinsip kebebasan, keadilan, kesaksamaan dan nilai-nilai kemanusiaan. Sebagai suatu proses dalam pendidikan, PPB berfungsi menerapkan prinsip dan nilai berkenaan ke dalam diri dan pemikiran pelajar agar dapat dijadikan amalan dalam hidup bermasyarakat. Dalam pada itu juga, konsep kendiri yang positif turut dibentuk dalam peribadi pelajar bagi membolehkan mereka memahami sejarah, budaya dan sumbangan pelbagai kumpulan etnik lain dalam mempengaruhi politik dan budaya di negara ini (Grant 1994). Adalah jelas bahawa PPB adalah suatu proses pendidikan yang bersandarkan hakikat sebenar dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Sehubungan itu, PPB adalah sesuai bagi tujuan meningkatkan keupayaan dalam memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar untuk memahami kepelbagaian budaya yang wujud dalam masyarakat di sekelilingnya. Dalam konteks inilah PPB dilihat begitu penting untuk dijadikan fokus dalam kajian ini.

### 1.2.1 Masyarakat Majmuk dan Kepelbagaian Budaya di Malaysia

Berdasarkan perkembangan semasa dalam masyarakat majmuk di Malaysia, khususnya dari aspek peningkatan populasi penduduk berbilang suku kaum dan *multicultural*, keperluan terhadap usaha yang lebih gigih untuk menyatupadukan seluruh rakyat bagi menghadapi cabaran masa hadapan tidak boleh dinafikan (Cheah Boon Kheng 2004). Dalam tempoh 30 tahun antara 1970 hingga 2000, pertambahan dan perubahan pola penduduk di Malaysia telah berlaku dengan begitu ketara. Pada tahun 1970 penduduk Malaysia hanya berjumlah 10.4 juta orang. Angka ini telah meningkat menjadi 13 juta orang pada 1980, 17.5 juta pada tahun 1991 seterusnya 23.3 juta pada tahun 2000 dan 26.6 juta pada suku kedua tahun 2006 (Jabatan Perangkaan Malaysia April 2006). Adalah dijangkakan bahawa penduduk Malaysia





akan mencecah 29.0 juta orang pada tahun 2010 dengan pecahan 26.8 juta adalah warganegara dan 2.2 juta bukan warganegara. Pada tahun 2010 juga dijangkakan penduduk Bumiputera berjumlah 18.0 juta atau 67.0% diikuti Cina 6.5 juta (24.3%), India 2.0 juta (7.4%) dan Lain-lain 0.4 juta atau 1.3% (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006). Maklumat lengkap terkini pada tahun 2000 menunjukkan bahawa sejumlah 18.5 juta ialah penduduk di Semenanjung Malaysia, manakala 2.7 juta dan 2.1 juta ialah penduduk di Sabah dan Sarawak. Agihan penduduk antara bandar dan luar bandar pula menunjukkan pecahan yang tidak seimbang. Perangkaan pada tahun 2000 mencatatkan sejumlah 14.4 juta rakyat negara ini merupakan penduduk bandar, manakala 8.8 juta orang mendiami kawasan luar bandar. Perkembangan ini merupakan perubahan yang berlaku secara mendadak jika dibandingkan dengan perangkaan pada tahun 1991 yang menunjukkan pecahan seimbang, iaitu masing-masing 9.0 juta di bandar dan di luar bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia 2005 dan Shaari Abdul Rahman 2001).

Pada masa yang sama, pemerhatian terhadap pecahan penduduk mengikut komposisi etnik memperlihatkan pola agihannya yang tersendiri. Jadual 1.1 berikut menunjukkan pecahan tersebut bagi tahun 1991 dan 2000 secara perbandingan.

Jadual 1.1 Warganegara Malaysia mengikut kaum bagi tahun 1991, 2000 dan suku kedua 2006

Kumpulan Etnik	1991('000)	2000('000)	2006('000)
Melayu	8,521.9	11,680.4	13,475.1
Bumiputera lain	1,778.0	2,567.8	2,931.4
Cina	4,623.9	5,691.9	6,219.6
India	1,316.1	1,680.1	1,858.5
Lain-lain	572.4	269.7	318.9
<b>JUMLAH</b>	<b>16,812.3</b>	<b>21,889.9</b>	<b>24,803.5</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2006 dan Saw Swee-Hock 2006.





Dalam tempoh 1991 hingga 2000 didapati populasi dalam kalangan orang Melayu telah meningkat daripada 8,521,900 orang kepada 11, 680,400 orang. Pertambahan ini adalah sebanyak 3,158,500 atau 37.1 peratus dalam tempoh sembilan tahun. Peningkatan yang lebih besar berlaku dalam populasi Bumiputera Lain, iaitu sebanyak 44.4 peratus daripada 1,778,000 orang pada 1991 menjadikannya kepada 2,567,800 orang pada 2000. Bagi kaum Cina dan India pula pertambahan adalah kecil, iaitu masing-masing kurang daripada 30 peratus. Pada suku kedua tahun 2006, sejumlah 24.8 juta daripada keseluruhan penduduk Malaysia ialah warganegara yang terdiri daripada Bumiputera Melayu (13.5 juta), Bumiputera Lain (2.9 juta), Cina (6.2 juta), India (1.9 juta) dan Lain-lain (319 000 orang), manakala baki 1.8 juta pula adalah bukan warganegara Malaysia. Di samping itu, agihan antara jantina bagi warganegara Malaysia pada suku kedua 2006 ialah masing-masing berjumlah 12.5 juta dan 12.3 juta bagi lelaki dan perempuan. Pecahan pada tahun 1991 ialah masing-masing 8.4 juta bagi lelaki dan perempuan, manakala tahun 2000, keseimbangan ini kekal dengan jumlah 11.0 juta warganegara lelaki dan 11.0 juta warganegara perempuan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005: 23). Pada umumnya, latar belakang dan perubahan dalam komposisi penduduk di negara ini telah memberikan kesan langsung dalam perkembangan aspek sosial, politik dan ekonomi negara (Saw Swee-Hock 2006).

Jadual 1.2 Pecahan kaum mengikut negeri bagi tahun 2000 (%)

Negeri	Melayu	Bumiputera lain	Cina	India	Lain-lain	JUMLAH
Semjng.						
Malaysia	61.0	1.4	27.4	9.5	0.7	100
Sabah	15.3	65.3	13.2	0.5	5.8	100
Sarawak	23.0	49.8	26.7	0.2	0.2	100

Sumber: Saw Swee-Hock 2006

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 1.2, didapati bahawa pada tahun 2000 sahaja negeri-negeri di Semenanjung Malaysia didominasi oleh sebilangan besar orang Melayu iaitu 61.0 %, diikuti oleh kaum Cina (27.4 %), India (9.5 %), Bumiputera lain (1.4%) dan 0.7% kaum-kaum lain. Sementara itu, bagi negeri Sabah





dan Sarawak pula peratusan penduduk bagi Bumiputera Lain adalah tinggi, iaitu 65.3 % dan 49.8 % masing-masing jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di negeri-negeri tersebut.

Penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum turut menuturkan pelbagai bahasa dan dialek yang berbeza-beza. Bahasa utama yang digunakan ialah bahasa Melayu, manakala bahasa Cina dan Tamil turut dituturkan dengan meluas dalam kalangan penduduk di negara ini. Bahasa Inggeris merupakan bahasa asing yang turut tersebar luas penggunaannya dalam kalangan rakyat Malaysia. Terdapat juga dialek-dialek yang digunakan secara meluas di negara ini. Dalam kalangan kaum Cina, antara dialek yang digunakan ialah Hokkien, Hakka, Kantonis, Toe Chew, Hainan, Kwongsai, Hokchiu, Henghua, Foochow, Hokhua, Hokchia dan beberapa yang lain lagi. Dialek dalam kalangan orang India pula ialah Tamil India, Malayali, Punjabi atau Sikh, Telegu, Urdu, Gujerati dan Sinhala (Mahzan Arshad 1998). Keadaan yang sama wujud dalam kalangan kaum peribumi di Sabah dan Sarawak. Di Sabah terdapat 23 suku kaum peribumi, manakala di Sarawak terdapat tidak kurang 10 kaum peribumi yang semuanya menuturkan dialek yang berlainan (Ongkili 1984).

Selain menuturkan bahasa dan dialek yang berbeza, penduduk di negara ini menganut agama dan kepercayaan yang berlainan. Dengan kedudukan ini, suasana pelbagai budaya atau *multicultural condition* yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia adalah begitu ketara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3. Perbezaan dalam pola anutan agama di Malaysia mempunyai hubungan langsung dengan identiti sesebuah kaum terutamanya dalam gaya hidup sehari-hari. Amalan keagamaan yang berbeza juga telah membawa kepada wujudnya perayaan dan amalan keagamaan yang pelbagai di negara ini.



### Jadual 1.3 Agama dan anutan penduduk Malaysia bagi tahun 2000

Agama/Anutan	Bilangan('000)	Peratus(%)
Islam	14,049.4	60.4
Buddha	4,467.5	19.2
Kristian	2,126.2	9.1
Hindu	1,457.9	6.3
Confucius/Taoisme/Agama Tradisi	615.1	2.6
Kepercayaan Suku Kaum	195.8	0.8
Lain-lain	88.4	0.4
Tiada Agama/Anutan	194.4	0.8
Tidak Diketahui	80.0	0.3
<b>JUMLAH</b>	<b>23,274.7</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2002 dan Saw Swee-Hock 2006

Agama Islam dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan telah dimaktubkan sebagai agama rasmi Malaysia. Agama Islam mempunyai pengikut yang paling ramai di negara ini khususnya dalam kalangan kaum Melayu, iaitu sejumlah 14,049,400 orang pada tahun 2000. Perayaan penting dalam agama rasmi ini ialah Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Haji selain sambutan lain seperti Ma'al Hijrah dan Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Sementara itu, agama Buddha dan Kristian merupakan agama kedua dan ketiga terbesar di negara ini dengan pengikut berjumlah 4,467,500 dan 2,126,200 orang masing-masing yang terdiri daripada kaum Cina, Bumiputera Lain dan India. Agama keempat terbesar di Malaysia ialah agama Hindu yang dianuti oleh sebahagian besar kaum India, iaitu berjumlah 1,457,900 orang pada tahun 2000. Walaupun bukan merupakan agama rasmi, namun perayaan agama-agama lain turut dijadikan acara rasmi negara dan diisytiharkan sebagai cuti umum setiap tahun. Antaranya ialah Hari Deepavali, Hari Thaipusam, Tahun Baru Cina, Hari Natal, Hari Keamatan, *Good Friday* dan Gawai Dayak khususnya di Sabah dan Sarawak.

Berbeza dengan pecahan kaum yang terdapat di Semenanjung Malaysia, pecahan kaum dan etnik di Sabah dan Sarawak adalah lebih rencam seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.4 berikut. Pada tahun 2000, kaum peribumi yang terbesar di Sabah ialah Kadazan/Dusun yang mewakili 30.3% diikuti oleh suku kaum Bajau 21.1% dan Melayu 20.2% serta Murut 5.2%. Di Sarawak pula, penduduk bumiputera



yang paling ramai ialah kaum Iban yang juga dikenali sebagai Dayak Laut. Kaum ini mewakili sejumlah 603,735 orang (41.3%) daripada penduduk bumiputera di negeri tersebut. Kaum Melayu yang berjumlah 462,270 merupakan jumlah kedua terbesar iaitu, 31.6 peratus. Ini diikuti oleh kaum Bidayuh dan Melanau dengan jumlah sebanyak 11.4 peratus dan 7.7 peratus masing-masing. Di kedua-dua buah negeri ini, terdapat suku kaum atau peribumi yang dilabelkan sebagai Peribumi Lain dengan jumlah sebanyak 394,464 orang di Sabah dan 117,690 orang di Sarawak (Saw Swee-Hock, 2006:17-18). Mereka ini terdiri daripada pelbagai suku kaum lain yang kecil bilangannya. Di Sabah, terdapat kaum minoriti seperti Bisaya, Dumpas, Idahan, Illanun, Kedayan, Minokok, Paitan, Rungus, Tambonus, Totud dan beberapa yang lain lagi. Sementara di Sarawak pula, Peribumi Lain terdiri daripada Bisayah, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah dan Penan (Information Malaysia 2005).

**Jadual 1.4 Penduduk Bumiputera di Sabah dan Sarawak mengikut suku kaum 2000**



Kumpulan Etnik Sabah	Bilangan	%
Melayu	332,471	20.2
Kadazan Dusun	484,828	30.3
Bajau	347,193	21.1
Murut	85,094	5.2
Peribumi Lain	394,464	24.2
<b>JUMLAH</b>	<b>1,601,356</b>	<b>100.0</b>

Kumpulan Etnik Sarawak	Bilangan	%
Melayu	462,270	31.6
Iban	603,735	41.3
Bidayuh	166,756	11.4
Melanau	112,984	7.7
Peribumi lain	117,690	8.0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,463,435</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Diubah suai daripada Saw Swee-Hock 2006





Secara tidak langsung kewujudan kepelbagaian suku kaum di Malaysia Timur ini telah menjadikan populasi Malaysia lebih majmuk dengan amalan budaya yang lebih pelbagai. Malah, sebaik sahaja terbentuknya Persekutuan Malaysia yang merangkumi Singapura, Sabah dan Sarawak, sebuah negara yang mempunyai masyarakat *multicultural* telah terbentuk sepenuhnya (Johan Saravanamuttu 2004).

### 1.2.2 Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB) dan Sistem Pendidikan Nasional

Gollnick dan Chin (1990) menyifatkan PPB sebagai pendidikan yang mengiktiraf kewujudan dan perkembangan pelbagai budaya dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, langkah-langkah progresif perlu dilaksanakan bagi tujuan menggalakkan ahli komuniti mengenali dengan mendalam dan lebih menghormati semua identiti dan warisan budaya termasuk budayanya sendiri. Dengan memperluaskan pengetahuan dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya, pelajar sebagai generasi masa hadapan dapat dibentuk untuk menjadi ahli komuniti yang berketerampilan seterusnya menjadi warganegara yang serba boleh. Sehubungan itu, Grant dan Sleeter (1999:70) mentakrifkan PPB sebagai

psi.edu.my



*...promotes cultural pluralism and social equality by reforming the school program for all students to make it reflect diversity. These reforms include school staffing patterns that reflect the pluralistic nature of (American) society: unbiased curricula that incorporate the contributions of different social groups, women, and the handicapped; the affirmation of the languages of (non-English-speaking) minorities; and instructional materials that are appropriate and relevant for students and which are integrated rather than supplementary.*

Bagi memahami kepentingan PPB dalam sistem pendidikan Malaysia pada masa akan datang, sejarah dan perkembangan semasa sistem pendidikan nasional perlu dilihat dalam konteks kelangsungan masyarakat majmuk di negara ini. Dari sudut sejarah, aspek-aspek penting yang berkaitan dengan pembentukan masyarakat pelbagai budaya, isu perpaduan kaum, ketetapan undang-undang dan peruntukan perlombagaan, kontrak sosial dan toleransi antara budaya serta dasar-dasar awam





perlu diketengahkan, manakala dari sudut perkembangan dan kemajuan semasa pula, isu-isu dunia global dan cabarannya pada masa hadapan juga harus diberi perhatian. Melalui kefahaman terhadap sejarah perkembangan dan cabaran masa hadapan dalam masyarakat majmuk Malaysia dan bidang pendidikan, PPB boleh dimanfaatkan dengan sebaik mungkin di negara ini suatu hari nanti. Hal ini turut ditegaskan oleh para pengkaji tentang perlunya adunan antara falsafah PPB dengan persekitaran masyarakat semasa. Antaranya ialah Ivezaj (1996:18) yang menegaskan bahawa,

*...ethnic and racial demographic changes have been evident in the nation's largest school system. Therefore, it is not a question of whether we believe in a multicultural education, but how this philosophy could be successfully integrated in our school and beyond into our society.*

Dengan itu, dapat difahami bahawa PPB merupakan gabungan konsep sosial dan strategi dalam pendidikan yang boleh diketengahkan bagi memperkasakan lagi sistem pendidikan nasional pada masa akan datang. Pendekatan budaya yang didukung oleh PPB adalah sesuai untuk diaplikasikan dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan sedang berusaha membina jati diri berdasarkan budaya penduduk setempat setelah berjaya mencapai kemerdekaan. Budaya dalam konteks ini merujuk kepada keseluruhan gaya hidup yang kompleks dan meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan segala kebolehan serta kebiasaan ahli sesebuah masyarakat. Ini bermakna aspek budaya material dan non-material boleh memberikan justifikasi identiti kepada sesebuah masyarakat (Taylor 1958).

Dalam sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia, usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum merupakan keutamaan sejak sekian lama walaupun usaha ini menghadapi banyak cabaran. Bermula semenjak Persekutuan Tanah Melayu berada di ambang kemerdekaan, pembentukan dan penyediaan sebuah institusi khususnya pendidikan yang boleh menyediakan asas kenegaraan kepada generasi baru telah menjadi suatu keperluan yang mendesak. Laporan Pelajaran 1960 oleh Dato' Abdul Razak pada ketika itu telah mencadangkan agar kanak-kanak daripada semua kaum diberikan pelajaran dengan cara yang sama dan di sekolah yang





sama. Dalam keadaan ini, sekolah menjadi institusi yang penting sebagai tempat tumpuan dalam menyebarkan nilai dan norma serta seluruh ruang lingkup kebudayaan yang ada dalam masyarakat majmuk. Namun begitu, menyedari betapa negara yang baru merdeka ini mempunyai rakyat pelbagai kaum dan budaya, dua pendekatan telah dikemukakan. Pendekatan pertama menggunakan prinsip ideologi terpusat yang bertujuan menyediakan satu hala tuju kenegaraan yang sama kepada seluruh ahli masyarakat pada masa hadapan. Pendekatan kedua pula adalah melalui prinsip liberal berlandaskan undang-undang yang memberi kebebasan memilih kepada ahli masyarakat.

Ternyata, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak sama sekali melaksanakan dasar yang bersifat pemaksaan dan desakan kepada mana-mana kumpulan etnik atau kaum. Sebaliknya, dasar pendidikan yang telah dibentuk dan dilaksanakan adalah lebih kepada tujuan untuk menyatupadukan rakyat melalui bahasa pengantar, kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama. Hasilnya, perkembangan sistem pendidikan nasional juga memperlihatkan pengasingan dalam sistem persekolahan ekoran pengiktirafan terhadap sekolah berbahasa pengantar Inggeris, sekolah vernakular Tamil dan Cina selain sekolah berbahasa pengantar bahasa Melayu. Lanjutan daripada kompromi dan semangat tolak ansur ini, telah wujud pula penentangan terhadap pelaksanaan bahasa Melayu sebagai pengantar di sekolah walau pun telah ditegaskan bahawa tujuannya adalah sebagai bahasa perpaduan. Penentangan tersebut masih berlanjutan hingga ke hari ini walaupun bantahannya tidak sekeras sebelum ini. Setelah 50 tahun merdeka, masih terdapat isu, pernyataan dan tindak tanduk kumpulan-kumpulan tertentu yang boleh mencabar keutuhan perpaduan antara kaum di negara ini. Keadaan ini timbul ekoran daripada pendekatan yang diambil sebelum ini ternyata belum dapat membina kejituan perpaduan dalam masyarakat sehingga memerlukan strategi dan pendekatan baharu dalam pendidikan, selaras dengan perkembangan budaya dan komposisi masyarakat (Zainal Kling 1999).

Berdasarkan perkembangan ini, penerimaan prinsip kepelbagaian budaya atau *multiculturalism* dalam sistem pendidikan ternyata penting untuk menjadikan sistem pendidikan nasional lebih terarah kepada pembinaan warganegara yang taat, setia, berjiwa Malaysia dan bersatu padu. Semua peringkat pendidikan perlu mengambil





kira keperluan budaya, ekonomi, agama, sosial dan politik dalam masyarakat majmuk Malaysia untuk diterapkan dalam diri pelajar. Langkah kerajaan melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) pada tahun 1971 setelah berlakunya konflik kaum pada tahun 1969 adalah sangat relevan. Setelah diperkenal dan dilaksanakan menerusi pelbagai badan kerajaan, keselarasan DKK dengan sistem pendidikan di negara ini menjadi lebih ketara dan bermakna. Dalam kaitannya dengan PPB, DKK dengan jelas menegaskan bahawa ciri dan amalan kaum lain akan diterima sebagai elemen budaya kebangsaan selagi tidak bercanggah dengan ciri adat setempat dan ajaran Islam. Dalam hal ini, walaupun tumpuan diberikan kepada unsur-unsur budaya rakyat setempat dan ajaran Islam, namun kepelbagaian budaya lain turut diberi perhatian dan keutamaan dalam pembentukan sebuah negara bangsa.

Satu lagi faktor penting yang boleh membantu dalam memperkenalkan PPB di negara ini adalah melalui faktor peranan para pentadbir dan guru di sekolah. Golongan ini merupakan agen penting dalam proses pemindahan ilmu, kemahiran dan budaya secara formal dan berterusan. Bagi memenuhi peranan ini, mereka bukan sahaja perlu mempunyai persediaan dan pengetahuan tentang latar belakang budaya, agama, bahasa dan status ekonomi pelajarnya, malah mereka juga perlu memahami kepelbagaian dalam aspek-aspek berkenaan dalam kalangan pelajar. Justeru, cabaran pendidikan dalam mencapai perpaduan yang lebih utuh adalah untuk melahirkan pentadbir dan guru yang berkemahiran dan bertanggungjawab dalam memberikan layanan yang setara kepada murid tanpa mengira latar belakang etnik dan budaya. Dalam konteks hubungan sesama insan, pentadbir dan guru perlu adil di samping tidak bersikap berat sebelah terhadap setiap individu, kumpulan etnik, kaum atau kelompok budaya. Sifat toleransi pula membolehkan kumpulan pelaksana dasar dan sistem pendidikan nasional ini bertindak atas pertimbangan yang waras terutamanya dalam menghadapi kepelbagaian kerennah dan tingkah laku pelajarnya di sekolah dan bilik darjah. Toleransi juga ternyata penting bagi menghadapi ibu bapa pelajar yang berbeza-beza latar budaya, agama, dan bahasa ibundanya. Melalui sifat-sifat dinamik seperti pengetahuan luas tentang budaya sendiri dan nilai budaya orang lain, pentadbir dan guru akhirnya berfungsi sebagai penggerak kepada perubahan dalam masyarakat.



Kemahiran dan pengetahuan budaya dalam kalangan pentadbir dan guru perlu dikemas kini selaras dengan tuntutan masa dan perkembangan semasa agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih kreatif dan berkesan. Contohnya, dalam tugasnya sebagai pembentuk peribadi pelajar ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, guru perlu bertindak sebagai fasilitator, pengurus pembelajaran, pembentuk akhlak, pembimbing dan menjadi contoh teladan atau *role model* kepada pelajarnya. Guru perlu menguasai dan menjiwai ciri-ciri kepelbagaiian budaya yang terdapat di dalam bilik darjahnya serta mempunyai kesediaan untuk memahami dan bertoleransi dengan budaya-budaya lain; personaliti pentadbir dan guru seperti ini dapat dijadikan ikutan yang baik kepada pelajar. Namun begitu, sering kali juga berlaku prejudis, stereotaip dan salah tafsir terhadap budaya-budaya lain dalam kalangan pentadbir dan guru (Gagliardi 1995). Dengan persepsi seperti ini, pentadbir dan guru sebenarnya telah gagal dalam fungsinya sebagai model untuk menerapkan semangat toleransi dan saling memahami dalam kalangan pelajar.

Beralih pula kepada fungsi sekolah sebagai institusi pendidikan formal, perlu untuk diketengahkan nilai-nilai sosial dan budaya seperti keadilan, perpaduan, kerjasama, dan semangat kekitaan di dalam persekitaran sekolah. Antaranya adalah melalui penganjuran aktiviti seperti pertandingan Sukan Tahunan, Hari Keluarga, Hari Koperasi, Hari Ibu Bapa dan beberapa aktiviti kokurikulum lain. Pada masa yang sama juga dasar pendidikan sesebuah negara tidak seharusnya bersifat statik. Sebaliknya dasar tersebut perlu sentiasa dinilai, diubah suai, dirombak atau diberi nilai tambah dari semasa ke semasa. Dengan cara ini, dasar pendidikan akan sentiasa berada dalam kedudukan yang sejajar dengan aspirasi masyarakat dan keperluan negara.

Salah satu faktor yang menuntut pengubahsuaian dibuat terhadap dasar pendidikan ialah berlakunya perubahan sosial terutamanya dalam komposisi, keperluan dan kehendak masyarakat pada satu-satu masa yang tertentu. Contohnya, perubahan daripada masyarakat homogen kepada masyarakat heterogen dan bersifat *multicultural*. Hasil daripada proses pemodenan dan pembangunan pesat sesebuah negara, fungsi dan orientasi pendidikan sebagai saluran pemindahan ilmu dan budaya juga turut berubah. Oleh itu, penggubalan dan pindaan dasar-dasar kerajaan juga

merupakan faktor yang boleh mengubah hala tuju dan matlamat sistem pendidikan sesebuah negara. Ekoran daripada perubahan-perubahan ini, berlaku pula perubahan nilai dan moral, persekitaran dan identiti masyarakat khususnya dalam masyarakat global pada hari ini. Dalam masyarakat global, konsep *multiculturalism* menjadi begitu penting bagi membincangkan hubungan antara manusia. Dalam situasi ini, rakyat dan negara Malaysia secara umumnya tidak terkecuali dalam membina hubungannya dengan dunia luar sehingga menjadikan lingkungan interaksi menjadi lebih luas dan heterogenus.

Menurut Sufean Hussin (2002), perubahan dalam dasar-dasar pendidikan di negara ini berkait rapat dengan seluruh aspek kehidupan yang menggambarkan aspirasi manusia dan keperluan masyarakat dari masa ke semasa. Oleh itu, seiring dengan perubahan dalam masyarakat, perkembangan pendidikan di negara ini boleh dijelaskan dalam empat tahap perkembangan dasar penting iaitu Dasar Polarisasi Pendidikan era penjajahan Inggeris (1800-1945), Dasar Reformasi Pendidikan (1945-1970), Dasar Inovatif (1970-1990) dan Dasar Liberalisasi (1999-2000).

## 1. Dasar Polarisasi Pendidikan dalam era penjajahan Inggeris (1800-1945)

Dalam era ini, pelaksanaan dasar pendidikan telah dipengaruhi sepenuhnya oleh strategi imperialism Inggeris di Tanah Melayu. Ciri utama dasar pendidikan kolonial Inggeris di Tanah Melayu (TM) ialah polarisasi dan diskriminasi. Pendidikan pada zaman pemerintahan Inggeris secara jelas tidak menyediakan kaum-kaum pendatang khususnya Cina dan India dengan keperluan untuk menjadi penduduk di negara ini. Anak-anak kaum pendatang ini lebih banyak diorientasikan untuk kembali ke tanah air masing-masing dengan pendedahan budaya sendiri. Tiada langsung interaksi secara efektif anak-anak tersebut dengan persekitaran budaya dan masyarakat peribumi di Tanah Melayu (Ooi Jin-Bee 1963). Ditambah dengan penggunaan bahasa pengantar yang berbeza, kurikulum yang berlainan dan orientasi peperiksaan yang tidak sama, masyarakat majmuk di Tanah Melayu menjadi semakin terpisah dan tidak berpeluang untuk berinteraksi bagi mengenali dan memahami antara satu sama lain.



## 2. Dasar Reformasi Pendidikan (1945-1970)

Tahap ini disebut sebagai era nasionalisme yang merupakan perubahan orientasi dalam sistem pendidikan ekoran daripada kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu. Apabila Inggeris kembali ke Tanah Melayu setelah pengunduran tentera Jepun, langkah mengintegrasikan pendidikan yang berdasarkan kaum telah dimulakan melalui Laporan Barnes (1951), Laporan Fen-Wu (1951) dan Ordinan Pendidikan 1952. Setelah itu dikemukakan pula Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) yang dengan tegas menyatakan bahawa negara ini memerlukan sistem pendidikan nasional yang demokratik bagi memenuhi keperluan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik negara. Seterusnya, Akta Pendidikan 1961 pula telah menjadi titik tolak kepada reformasi sistem pendidikan di negara ini. Menerusi akta ini Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) telah dilancarkan yang antara lain menyebut bahawa,

*...sistem pendidikan negara adalah menepati prinsip bahawa kanak-kanak dididik sejajar dengan kehendak ibu bapa mereka yang berbilang kaum, agama dan budaya... dan atas dasar demokrasi pendidikan dan pengekalan budaya etnik masing-masing kaum yang ada dalam masyarakat majmuk di negara ini.*

(Akta Pendidikan 1961, Perkara v)

Dengan mengambil kira prinsip di atas, ternyata dasar pendidikan di negara ini dirangka sedemikian rupa bagi memenuhi keperluan dan usaha menyatupadukan masyarakat pelbagai budaya yang telah terbina sejak sekian lama. Dapat juga difahami bahawa hala tuju sebenar dasar tersebut adalah untuk menyediakan sebuah sistem pendidikan nasional yang dilaksanakan berdasarkan kurikulum, jadual waktu dan takwim, bahasa pengantar, peperiksaan, latihan guru dan pengajaran yang seragam bagi semua sekolah sama ada sekolah kebangsaan mahupun sekolah jenis kebangsaan (Sufean Husin 2002).





### 3. Dasar Inovatif (1970-1990)

Dasar pendidikan dalam era integrasi nasional ini lebih merupakan langkah drastik kerajaan untuk mengatasi masalah perkauman setelah tragedi 13 Mei 1969. Dua perkara asas yang diketengahkan dalam tempoh ini ialah Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Rukun Negara merupakan perkakas yang boleh digunakan dalam pendidikan bagi tujuan memperkuuhkan semangat kenegaraan setiap warganegara melalui penegasan terhadap tanggungjawab kepada tanah air (Hashim Yeop Sani 1980). Oleh itu, menerusi langkah memperkenalkan Rukun Negara pada tahun 1970, kerajaan sebenarnya telah membina suatu gagasan yang berkaitan dengan kerukunan hidup dalam masyarakat di negara ini. Dengan meletakkan murid sekolah sebagai sasaran utama dalam penyebaran dan penghayatannya, Rukun Negara menjadi begitu sinonim dengan sistem pendidikan nasional dan menjadi teras dalam pembinaan generasi baharu yang bersatu padu dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Bertitik tolak daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) pula, hala tuju pendidikan telah ditetapkan untuk memberikan layanan yang setara kepada semua murid tanpa mengira latar belakang etnik dan budaya.

Sementara itu, Laporan Mahathir (1979) pula telah mencadangkan dasar baru bagi meningkatkan kualiti pendidikan khususnya dari segi kandungan dan kemahiran pembelajaran di sekolah rendah dan menengah. Dasar yang dicadangkan adalah berkaitan dengan penyediaan kurikulum pendidikan asas yang lebih menekankan kemahiran-kemahiran yang relevan dan bukan tertumpu kepada mata pelajaran semata-mata. Hasilnya, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperkenalkan pada tahun 1983 dan 1989 bagi tujuan memperkembangkan potensi individu dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani. Fokus pengajaran adalah penguasaan terhadap konsep asas bidang ilmu, kemahiran berfikir, aplikasi fakta dan pembelajaran nilai-nilai estetika dan etika.





#### 4. Dasar Liberalisasi (1999-2000)

Dasar Liberalisasi pendidikan dalam era globalisasi mengetengahkan gagasan Wawasan 2020 sebagai landasan baharu bagi membina masyarakat yang lebih maju dan bertamadun. Dengan pengenalan dasar liberalisasi pendidikan, institusi-institusi pendidikan disarankan menjadi lebih global, cemerlang dan bertaraf dunia (Sufean Hussin 2002). Wawasan 2020 dikatakan terbit hasil daripada tindak balas kepada perkembangan semasa dan akan datang dalam politik, ekonomi dan sosial di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Kemajuan yang ingin dicapai melalui wawasan ini meliputi segenap aspek kehidupan termasuklah aspek kejiwaan dan kebudayaan dengan harapan rakyat di negara ini dapat hidup sebagai sebuah masyarakat yang demokratik, bertoleransi, bermoral, adil, mampu bersaing dan berdaya ketahanan tinggi. Wawasan 2020 yang menjadi landasan untuk Malaysia menjadi negara maju turut memberi tumpuan khusus terhadap kepentingan perpaduan dalam masyarakat majmuk di negara ini. Daripada sembilan, tujuh cabaran wawasan ini mengetengahkan aspek perpaduan, keadilan dan pembinaan masyarakat harmoni untuk terus diberi penekanan. Cabaran-cabaran untuk mencapai Wawasan 2020 adalah seperti yang berikut,

- (i) *Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada Negara;*
- (ii) *Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain;*





- (iii) *Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berdasarkan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak Negara membangun;*
- (iv) *Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi;*
- (v) *Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara;*
- (vi) *Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan;*
- (vii) *Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri, dengan kebijakan insan tidak berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh;*
- (viii) *Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihankekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum; dan*





- (ix) *Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.*

(Jurij Hj. Jalaludin 1991)

Dalam merealisasikan Wawasan 2020, institusi pendidikan tidak terkecuali daripada menjadi saluran utama untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan dasar liberalisasi pendidikan dengan membuka lebih banyak kolej swasta yang menawarkan kursus secara berkembar dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Terdapat juga kolej swasta yang berorientasikan parti politik seperti Kolej Tuanku Abdul Rahman, Prime College, TAFE College dan Universiti Terbuka Wawasan ialah hasil daripada desakan kaum Cina dan India melalui parti komponen kerajaan, iaitu Malaysian Chinese Association (MCA), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan Malaysian Indian Congress (MIC). Kaum Melayu pula menggunakan United Malays National Organisation (UMNO) sebagai wadah untuk membuka kolej-kolej swasta bumiputera, antaranya Kolej Legenda dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).



Sementara itu, atas dasar liberalisasi dan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat ilmu bertaraf dunia, kemasukan pelajar dari luar negara juga kian bertambah dan diberikan banyak kemudahan di negara ini. Pada tahun 2001 sejumlah 6463 orang pelajar asing yang berasal dari 35 buah negara mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Jumlah pelajar asing telah meningkat kepada 13 880 orang pada tahun 2003 dan melibatkan 46 negara luar. Sehingga 2006, sejumlah 44 390 orang pelajar asing mengikuti pengajian di negara ini. Mereka berasal dari 152 buah negara luar. Dijangkakan sehingga penghujung 2008, tidak kurang daripada 50 000 pelajar asing akan diterima masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia ([mohe.gov.my/web\\_statistik/index.htm](http://mohe.gov.my/web_statistik/index.htm)). Semua perkembangan ini telah mencorakkan pendidikan Malaysia menjadi lebih *m multicultural* khususnya dalam sektor pendidikan tinggi. Dalam kesemua tahap perkembangan dasar pendidikan negara, aspek kepentingan dan perkembangan masyarakat yang *m multicultural* perlu diambil kira agar selaras dengan rancangan pembangunan negara.





### 1.2.3 Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB) Sebagai Pelengkap

Dalam kajian ini PPB diketengahkan sebagai satu alternatif dan jawapan baharu kepada permasalahan dalam memantapkan perpaduan nasional menerusi sistem dan amalan pendidikan kebangsaan. Dengan kata lain, PPB boleh berfungsi menjadi pelengkap kepada pelaksanaan sistem yang sedia ada. PPB pada masa yang sama juga bukan bertujuan untuk menyamaratakan hak dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini walaupun menegaskan untuk mencari keadilan sosial dalam masyarakat. Ini kerana persoalan hak setiap kaum di negara ini telah termaktub dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tambahan pula setiap kelompok budaya secara tabiinya sentiasa berusaha mengekalkan warisan budaya masing-masing. Adalah tidak rasional untuk menyamaratakan setiap kaum dalam sesbuah masyarakat berkaitan semua perkara memandangkan keperluan dan tuntutan bagi setiap kaum adalah berbeza. Sementara itu, PPB harus diterjemahkan sebagai strategi untuk mengintegrasikan masyarakat majmuk melalui kefahaman dan saling menghormati antara budaya di samping keperluan yang berlainan antara kaum. Melalui pemahaman dan pengetahuan tentang nilai budaya kaum-kaum lain, sikap toleransi akan sentiasa dapat dipupuk. Sementara itu, prejudis, salah faham dan stereotaip yang wujud dalam masyarakat juga dapat dihapuskan walaupun mengambil masa yang panjang. Ini juga memberi makna bahawa PPB boleh memberikan elemen tambahan dari segi isi dan kaedah pengajaran di sekolah bagi membentuk warganegara yang lebih bertolak ansur dan menghargai budaya kaum-kaum di negara ini.

Menerusi PPB juga, pendidikan pada masa akan datang boleh menyediakan peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk saling mengenali selain dapat bertindak sebagai penghubung antara pelajar berlainan budaya. Selaras dengan DPK, PPB turut menekankan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir bagi membina masyarakat yang progresif dari segenap segi termasuklah budaya. Sistem pendidikan yang dilaksanakan menerusi DPK juga membawa prinsip bahawa kanak-kanak akan dididik sejajar dengan kehendak ibu bapa mereka yang berbilang kaum, agama dan budaya. Ini bermakna ibu bapa berhak menghantar anak-anak mereka sama ada ke sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan atau sekolah persendirian. Prinsip ini secara jelas adalah selari dengan prinsip yang didukung oleh





PPB iaitu mewujudkan demokrasi pendidikan di samping mengekalkan nilai budaya serta meningkatkan interaksi antara etnik yang terdapat dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Bagi memantapkan lagi penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, PPB juga mempunyai potensi yang boleh diketengahkan dalam sistem pendidikan nasional. Ini kerana dalam penerapan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar sekolah, telah diwujudkan beberapa program seperti Rukun Tetangga dan pengajaran subjek Sivik dan Tatarakyat, Kekeluargaan dan Kejiranan serta Ziarah Hari Perayaan yang telah berjaya membebaskan pemikiran generasi muda daripada corak *etnosentrik* kepada liberal dan *multicultural* (Sufean Hussin 2002).

Dalam hal ini, objektif PPB boleh diselaraskan dengan matlamat KBSR dan KBSM kerana turut mengetengahkan falsafah humanisme dalam proses pendidikan. Pendidikan yang mengetengahkan fahaman humanisme adalah pendidikan berpusatkan pelajar dengan tujuan membantu perkembangan menyeluruh setiap diri pelajar dari segi pemikiran dan budaya serta persepsi terhadap orang lain. Falsafah humanisme turut menekankan pembentukan individu yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang mulia, berfikiran kreatif dan berupaya menyelesaikan masalah, kritis kepada isu-isu kehidupan bermasyarakat dan bijak membangunkan warisan seni budaya bangsanya. Bagi memenuhi keperluan tersebut, kurikulum yang dicadangkan dalam PPB adalah meliputi pembelajaran sejarah, kebudayaan dan kesenian, kewarganegaraan dan etika di samping subjek lain seperti bahasa, sains, matematik dan kesukanan. Sementara kaedah pengajaran pula adalah berasaskan keprihatinan, dorongan dan interaktif bagi menarik minat pelajar untuk membina pemikiran yang kreatif dan kritis (Sufean Husin 2002). Oleh itu, boleh dikatakan PPB begitu penting sebagai persediaan pada masa hadapan khususnya kepada pentadbir, pengajar dan pelajar untuk lebih memahami kepelbagaiannya yang semakin kompleks dalam komposisi pelajar di negara ini. Tambahan pula dengan kemunculan lebih banyak universiti dan kolej swasta yang berpusatkan kepada kaum-kaum tertentu, PPB semakin perlu untuk diperkenalkan kepada semua pelajar. Adalah diharapkan agar pemisahan dan





pengasingan seperti zaman penjajahan Inggeris dan tahap awal kemerdekaan tidak berulang lagi.

Satu lagi aspek penting dalam meneliti kerelevanan PPB di negara ini ialah aspek hubung kait PPB dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 153 Bahasa Kebangsaan, Perkara 3 Agama Rasmi dan Perkara 153 Hak Istimewa Bumiputera. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan Persekutuan. Ketetapan ini adalah hasil daripada kesedaran awal dalam kalangan perintah sebelum ini bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan budaya. Adalah dipersetujui juga bahawa seluruh rakyat berbilang budaya di negara ini perlu disatupadu dan dihubungkan melalui satu bahasa yang tunggal dan unggul sifatnya. Melalui bahasa kebangsaan, rakyat boleh berbangga dengan memiliki identiti kebangsaan yang dikongsi bersama sepanjang masa. Dengan kedudukan majoriti orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan ditambah dengan sejarah kecemerlangan bahasa Melayu dalam segenap bidang sejak abad ke-7 Masihi, maka adalah wajar bahawa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan. Dengan termaktubnya Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, kedudukan istimewa bahasa Melayu adalah terjamin tanpa boleh dipertikaikan lagi. Di bawah Perkara 152 juga telah diperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilarang atau dicegah dari menggunakan, selain tujuan rasmi, atau dari mengajar atau mempelajari mana-mana bahasa-bahasa lain. Dalam hal ini adalah jelas terdapatnya suatu keseimbangan dalam Perkara 152 berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu dan budaya kaum-kaum lain dalam Persekutuan sebagaimana falsafah yang terkandung dalam PPB. Bahasa-bahasa lain ternyata tidak pernah terpinggir dan diganggu gugat, sebaliknya bahasa dan budaya kaum-kaum lain terus dijamin kedudukannya dengan diberi galakan dan bebas untuk terus berkembang.

Selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu diperakuan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Sekali lagi tujuannya adalah sebagai alat penyatu, di samping sebagai saluran untuk menerapkan nilai-nilai kebangsaan (Asmah Haji Omar 1979). Melalui Akta Pendidikan 1961, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah telah dikekalkan kecuali di





sekolah jenis kebangsaan. Di sekolah jenis kebangsaan, bahasa Melayu hanya diajar sebagai satu mata pelajaran wajib. Di bawah Akta Pendidikan 1996 (Perkara I dan Perkara IV) pula, sistem persekolahan yang sebelum ini dipecahkan kepada tiga jenis iaitu sekolah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan akan diteruskan pada masa akan datang tanpa sebarang pindaan. Sehubungan itu, kerajaan melalui akta ini telah mengekalkan status quo bagi sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah menengah persendirian Cina. Ini bermakna walaupun bahasa pengantar adalah bahasa Melayu dan ibu bapa pelajar cenderung untuk memilih sekolah berdasarkan kaum masing-masing, elemen-elemen budaya setiap kaum di negara ini masih perlu untuk diperkenalkan kepada semua pelajar. Dalam perkara ini PPB mempunyai keselarasan dan hubung kait yang jelas dalam sistem pendidikan Malaysia pada masa kini dan akan datang.

Sementara itu, dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan telah dimaktubkan bahawa agama rasmi bagi negara Malaysia adalah agama Islam. Turut dimaktubkan juga bahawa agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian di negara ini. Ketetapan dalam Perkara 3 ini adalah hasil daripada pertimbangan yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid dan telah diperakukan oleh kerajaan Perikatan melalui memorandum Parti Perikatan yang menyatakan bahawa;

*Agama untuk Malaya hendaklah Agama Islam, kepatuhan kepada prinsip ini hendaklah tidak mengenakan apa-apa kehilangan upaya kepada anak negeri yang bukan Islam yang menganut dan mengamal agama mereka masing-masing dan hendaklah tidak menyebabkan negara ini disifatkan sebagai Negara yang bukan sekular (Hashim Yeop A.Sani 1980).*

Menerusi petikan memorandum tersebut, ternyata telah wujud semangat tolak ansur antara kaum berbilang budaya bagi memperakukan Perkara 3 yang berkaitan dengan kedudukan istimewa agama Islam di negara ini. Dengan keistimewaan ini, adalah menjadi kewajipan seluruh warga untuk memastikan semua keraian mahupun majlis kerajaan dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam. Sebagai contohnya, adalah



tidak menjadi kesalahan, malah begitu digalakkan untuk mengadakan bacaan ayat suci al-Quran dan bacaan doa dalam sesuatu majlis. Berhubung dengan kedudukan agama-agama lain, Perkara 11 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan turut menyatakan bahawa setiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing. Hanya tertakluk kepada Fasal (4), usaha pengembangan dan penyebaran iktikad atau kepercayaan agama lain tidak boleh dilakukan kepada penganut agama Islam. Ini bermakna pada keseluruhannya rakyat di negara ini diberi kebebasan untuk menganut, mengamal dan mengembangkan agama masing-masing dan hanya dibataskan oleh Fasal (4) yang berkenaan. Sekali lagi jelas bahawa Islam mahupun agama-agama lain berserta penganut masing-masing adalah dijamin akan hak dan kedudukannya di negara ini.

Dengan turut memberi fokus kepada aspek toleransi budaya dan saling mengenali sebagaimana ketetapan dalam Perlembagaan Persekutuan, PPB adalah strategi pelaksanaan yang boleh diketengahkan bagi memperkuatkan lagi kefahaman terhadap isi kandungan perlembagaan negara. Secara langsung, kefahaman terhadap perlembagaan juga boleh dimanfaatkan sebagai saluran untuk menghalau sikap prejudis dan stereotaip budaya dalam diri pelajar. Tambahan pula dasar pendidikan negara ini sememangnya mengiktiraf keperluan dan perbezaan budaya masyarakat dengan menyediakan peruntukan bagi memberi pendidikan kepada pelajar mengikut hasrat ibu bapa yang dengan eksplisit merujuk kepada etnik dan kaum tertentu.

Selain itu, usaha pendemokrasi pendidikan di negara boleh dipertingkatkan pada masa hadapan melalui strategi yang diketengahkan dalam PPB. Dalam dasar pendemokrasi pendidikan, matlamat asasnya adalah menyediakan peluang pembelajaran yang setara demi mencapai kejayaan yang seimbang kepada setiap individu. Oleh itu, dalam langkah usaha menyediakan peluang pendidikan yang setara kepada semua rakyat di negara ini, perlu juga diambil kira ketetapan Perkara 153 Perlembagaan yang menyangkut hak-hak istimewa kaum Bumiputera yakni orang Melayu, orang Asli dan suku kaum di Sabah dan Sarawak. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memaktubkan pemberian satu nisbah yang munasabah kepada kaum Bumiputera berkaitan dengan biasiswa dan segala bentuk keistimewaan pendidikan di samping perniagaan dan beberapa kemudahan khas lain yang dipersetujui oleh



kerajaan Persekutuan (Hashim Yeop A. Sani 1980). Ini bermakna, serentak dengan usaha pendemokrasian pendidikan, ketetapan Perkara 153 tidak boleh diketepikan sama sekali, malah perlu diberikan perhatian sepanjang masa.

Melalui pendemokrasian pendidikan juga, penyediaan gaya belajar dan strategi penyampaian berlainan kepada individu yang berbeza kebolehan turut diberikan perhatian serius. Dengan kata lain, pendidikan akan diberikan kepada seluruh warganegara tanpa mengira latar belakang etnik dan budaya. Bagi memberikan pendidikan yang lebih baik kepada setiap individu, lebih banyak sekolah telah dibuka termasuk di kawasan luar bandar. Bantuan kewangan bagi membiayai yuran sekolah, yuran peperiksaan dan wang saku berserta kemudahan lain seperti buku teks dan asrama telah diberikan kepada pelajar yang datang dari keluarga miskin di seluruh negara. Jumlah sekolah berasrama penuh dan harian juga telah bertambah dengan pesat bagi menampung keperluan semasa. Melalui langkah ini, keciciran dalam kalangan pelajar di luar bandar khususnya kaum orang asli di Semenanjung Malaysia dan beberapa etnik yang mendiami kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak dapat dikurangkan. Dalam rancangan jangka panjang, dasar pendidikan kebangsaan dapat mencapai matlamat keciciran sifar dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia.

Sebagai lanjutan kepada proses sosialisasi dalam masyarakat, setiap ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sewajarnya didasarkan kepada keadaan persekitaran dan perubahan sosial masyarakat semasa. Dengan kemasukan nilai dan budaya yang pelbagai dari luar lingkungan masyarakat majmuk pada hari ini, kesedaran dan fahaman terhadap kepelbagaian budaya menjadi lebih penting. Tanpa kesefahaman dan toleransi, generasi muda akan menjadi terasing dan terpinggir dalam kepelbagaian nilai dan budaya tersebut. Sebaliknya, dengan adanya saling faham dan celik budaya, satu landasan ke arah pembentukan masyarakat majmuk yang bersatu dan saling menghormati akan tercapai. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan aspek perpaduan melalui sikap saling memahami dan toleransi, PPB bukanlah suatu konsep yang asing dalam sistem pendidikan di Malaysia.





### 1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Bahagian ini akan memperkatakan tentang permasalahan kajian yang berkaitan dengan pendapat sekumpulan pakar yang berfokus kepada isu pertimbangan PPB dalam sistem pendidikan nasional. Pada hakikatnya dasar dan sistem pendidikan yang telah dirangka perlu dilaksanakan dengan sempurna agar dapat memenuhi hasrat yang telah digariskan. Antara hasrat dan objektif yang ditetapkan termasuklah membangunkan sahsiah pelajar, menyuburkan semangat perpaduan, ketahanan menghadapi isu-isu etnik semasa dan masa depan. Dalam proses perlaksanaan dasar dan sistem pendidikan tersebut, pelbagai pihak yang terlibat harus mempunyai perspektif yang jelas terhadap tanggungjawab dan peranan masing-masing (Doughty dan Thornton 1973). Para pentadbir, sama ada di peringkat kementerian atau jabatan bertanggungjawab merancang dan merumuskan dasar untuk dilaksanakan di peringkat institusi seperti sekolah. Pentadbir dan guru di sekolah pula bertindak memastikan dasar dan hasrat pendidikan dapat dilaksanakan sepenuhnya agar mampu difahami serta diterima oleh semua pelajar. Ini bermakna dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pendidikan di negara ini, pihak yang berkenaan harus mempunyai kesediaan berserta kefahaman yang tepat tentang inti pati dalam sistem pendidikan nasional. Dengan kesediaan dan kefahaman tersebut, mereka akan lebih berupaya menghadapi cabaran dalam membina perpaduan yang lebih utuh di samping melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam memahami kepelbagaian budaya di negara ini. Dalam hal ini Gollnick dan Chin (1990) turut mengakui kepentingan membimbing pelajar menghadapi kepelbagaian kaum dan budaya pada hari ini. Mereka menjelaskan bahawa,

*Thus educators today are faced with an overwhelming challenge to prepare students from diverse cultural backgrounds to live in a rapidly changing society and world in which some groups have greater societal benefits than others because of their race, sex, socioeconomic level, religion, lack of disability or age (1990:31).*

Melalui Akta Pendidikan 1996, kesinambungan dasar-dasar pendidikan sebelum ini telah dikekalkan berserta beberapa pendekatan baharu dalam





pembangunan pendidikan sama ada dalam aspek pentadbiran mahupun jenis pendidikan. Walaupun elemen-elemen PPB tidak dinyatakan secara khusus dan tepat dalam akta ini, namun perakuan-perakuan yang dikemukakan adalah selari dengan dimensi-dimensi dalam PPB yang dikemukakan oleh Banks (1999). Di dalam akta tersebut dinyatakan dengan jelas bahawa pendidikan di Malaysia membolehkan masyarakatnya menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi dan global.

Pendidikan negara yang dilaksanakan bertujuan untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, di samping kekuatan rohani, moral, dan etika. Sebagai produk akhirnya, sebuah masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik di samping berupaya memperkembangkan potensi individu sepenuhnya akan dapat dibentuk. Sementara itu, dengan memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama menerusi kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama, usaha memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik akan dapat laksanakan dengan sebaik mungkin. (Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan Terpilih(1998).

Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa Akta Pendidikan 1996 adalah penentu hala tuju dan strategi pelaksanaan proses pendidikan di negara ini. Di bawah akta ini dinyatakan secara jelas keperluan untuk menguasai pelbagai cabang ilmu bagi membentuk masyarakat yang bertamadun. Oleh itu, sistem pendidikan nasional yang dilaksanakan harus meletakkan matlamat untuk membina masyarakat yang demokratik, adil, liberal, bersatu padu dan dinamik di samping berkeupayaan tinggi dalam pembangunan ekonomi, sosial, politik, seni budaya, moral dan etika. Ini jelas sejajar dengan dimensi-dimensi yang terdapat dalam PPB sehingga mampu meletakkan PPB dalam kedudukan yang begitu sesuai untuk menjadi pelengkap, di samping memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan nasional.

Sistem pendidikan yang dihuraikan melalui akta ini juga bermatlamat untuk membentuk individu yang mempunyai keseimbangan dalam dirinya sama ada dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Dengan adanya keseimbangan dalam





diri, insan yang dilahirkan melalui sistem pendidikan nasional lebih berupaya menyumbangkan tenaga, pemikiran dan kemahirannya bagi membentuk masyarakat Malaysia yang sejahtera. Dengan kata lain, sistem pendidikan nasional adalah media penting untuk meningkatkan lagi integrasi antara kaum seperti dicadangkan juga dalam PPB. Sejajar dengan dasar pendidikan negara yang menggunakan pendekatan demokrasi dalam pendidikan, penyediaan proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan perlu mengambil kira dan terbuka terhadap kehendak ibu bapa yang berbagai-bagai kaum dan budaya. Dalam keadaan ini PPB jelas sekali mempunyai potensi yang boleh dimanfaatkan dalam usaha mencapai matlamat akhir dasar pendidikan negara dengan lebih menyeluruh.

Pelbagai pihak termasuk perancang, pengurus dan pelaksana dasar merupakan agen penting dalam proses pendidikan. Mereka adalah komponen yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan sebagai pelaksana kepada ketetapan yang telah dipersetujui dalam dasar dan matlamat sistem pendidikan nasional. Perlu juga diberi perhatian bahawa fungsi pendidikan bukan sahaja berkaitan dengan penguasaan ilmu teknologi terkini tetapi juga meliputi pengetahuan tentang ciri-ciri dan perkembangan semasa dari segi sosial, budaya dan latar belakang kaum yang pelbagai. Penegasan tentang fungsi pendidikan dalam mencapai matlamat perpaduan kaum ini perlu dilakukan sepanjang masa. Salah satu daripada penegasan yang telah dibuat adalah berkaitan dengan Falsafah Pendidikan Guru pada tahun 1982. Falsafah ini telah diperkenalkan dengan memberikan keutamaan kepada pembentukan guru yang mampu memenuhi cita-cita negara dan menyanjung warisan kebudayaan negara. Guru juga diberikan amanah untuk menjamin perkembangan sahsiah setiap individu di bawah seliaannya dan sentiasa berusaha mengekalkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik dan berdisiplin (Ee Ah Meng 1988). Dalam merencana dan melaksanakan sistem pendidikan, para pentadbir dan pelaksana dasar perlu mempunyai kesedaran bahawa pelajar yang terlibat dalam sistem pendidikan di negara ini mempunyai latar belakang budaya yang pelbagai. Bagi membolehkan ilmu pengetahuan disampaikan dengan lebih bermakna, persepsi dan pengetahuan mendalam tentang ciri-ciri kepelbagaiannya budaya kaum-kaum di negara ini harus diberi tumpuan.



Namun begitu, masih terdapat masalah berbangkit tentang usaha menyatupadukan rakyat menerusi pendidikan. Masih terdapat persepsi yang menganggap pengetahuan tentang budaya pelbagai kaum tidak penting untuk dimuatkan dalam proses pengajaran. Malahan, persepsi sebegini turut diburukkan lagi dengan sikap prejudis, stereotaip dan salah tafsir terhadap budaya-budaya lain (Gagliardi 1995). Akibatnya, proses pendidikan tidak boleh berlangsung dengan sempurna dalam menerapkan semangat toleransi dan saling memahami dalam kalangan pelajar. Ekoran persepsi yang negatif terhadap budaya kaum-kaum lain, timbul pula sikap memandang remeh terhadap kepentingan budaya dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif di dalam bilik darjah. Dalam beberapa situasi lain, wujud pula persepsi pihak-pihak tertentu yang meletakkan matlamat perpaduan nasional hanya sebagai tujuan sampingan dan tidak perlu diberikan perhatian serius semasa proses pendidikan formal dijalankan. Sebagai akibatnya, hasrat untuk menyatupadukan rakyat berbilang budaya di negara ini agak sukar untuk dicapai. Malah, tugas untuk menyampaikan pengetahuan tentang nilai budaya kepada murid hanya diletakkan di atas bahu guru-guru tertentu sahaja seperti guru Pendidikan Islam, guru Pendidikan Moral, guru disiplin, guru kaunseling atau guru yang bertugas sebagai warden asrama. Pihak-pihak lain seperti pentadbir dan guru subjek-subjek lain pula dianggap tidak perlu terlibat dalam memikul tanggungjawab ini (Shahril@Charil Marzuki dan Habib Mat Som 1999).

Selain itu, kesukaran menyatupadukan rakyat menerusi pendidikan turut berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan pentadbir mahupun guru tentang elemen-elemen budaya kaum lain. Contohnya pentadbir dan guru Melayu tidak memahami budaya kaum Cina, India atau suku kaum lain di negara ini dan begitu juga sebaliknya. Sebagai institusi pendidikan formal, sekolah juga tidak banyak berusaha dan berjaya mengetengahkan nilai-nilai budaya termasuklah budaya sekolah. Aspek sosial dan budaya seperti keadilan, perpaduan, kerjasama, semangat kekitaan dan kesamaan tidak diterapkan secara serius di dalam persekitaran sekolah. Walaupun terdapat usaha pihak sekolah untuk menerapkan budaya tersebut melalui penganjuran pertandingan sukan, Hari Keluarga, Hari Koperasi, Hari Ibu Bapa dan beberapa aktiviti kokurikulum lain, namun hasilnya masih belum memuaskan. Ini kerana aktiviti-aktiviti tersebut kurang dititikberatkan. Sebaliknya penganjuran aktiviti



di sekolah lebih berfokus kepada aktiviti-aktiviti yang bermatlamatkan kecemerlangan akademik seperti kem motivasi dan teknik menjawab peperiksaan. Aktiviti bercorak nilai dan budaya kurang diberi perhatian sehingga sukar mendapat sambutan daripada para pelajar (Shahril@Charil Marzuki dan Habib Mat Som 1999). Sungguhpun tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan telah terbentuk, namun permasalahan dan insiden yang membabitkan konflik perkauman masih wujud di negara ini. Dalam hal ini, timbul pula persoalan tentang keberkesanan peranan yang dimainkan oleh pihak pelaksana sistem pendidikan selama ini dalam menyemai rasa kekitaan dan perpaduan dalam kalangan generasi muda (Amir Hassan Dawi 2004).

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Perbincangan sebelum ini menyerlahkan beberapa perkara penting berkaitan pendidikan di negara ini. Tanpa menafikan kejayaan beberapa strategi dalam pendidikan nasional untuk meningkatkan perpaduan, namun ternyata dalam beberapa hal input tambahan masih diperlukan sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan nasional yang sedia ada. Dalam konteks ini PPB boleh diketengahkan untuk menjadi pelengkap tersebut demi mengutuhkan lagi sistem pendidikan nasional.

Sehubungan itu, bagi meneliti sejauh mana keberkesanan PPB sebagai pelengkap, maka beberapa perkara pokok perlu ditangani khususnya isu yang berkaitan dengan soal kepakaran dan kewibawaan. Untuk tujuan tersebut, beberapa parameter tentang pakar dan kepakaran telah ditentukan berdasarkan proses dan kriteria pemilihan yang khusus (penjelasan lanjut dalam Bab 3: Metodologi). Seterusnya, pendapat berwibawa dari pakar-pakar tersebut sama ada dalam bentuk pro atau kontra terhadap PPB dikenal pasti, dianalisis dan dirumuskan. Ini termasuklah beberapa soalan penting yang menghubungkan PPB dengan sistem pendidikan nasional yang merangkumi aspek konsep, prinsip, falsafah dan matlamat PPB. Kesemua aspek ini perlu dibincangkan kerana aspek-aspek tersebut merupakan inti pati teras dalam PPB yang menggariskan kekuatannya sebagai pemberi nilai tambah.





Merujuk kepada aspek pelaksanaan pula, persoalan-persoalan yang melibatkan strategi-strategi PPB yang sesuai perlu dikenal pasti dan dihalusi bagi tujuan mencungkil dan menyerlahkan lagi segala kekuatan mahupun kelebihan PPB. Dengan cara inilah PPB boleh ditentusahkan (*verify*) dari sudut keberkesanannya dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia. Perlu juga diambil kira bahawa usaha ini adalah bersandarkan kepada tuntutan dan keperluan sebenar dalam sistem pendidikan nasional, baik pada masa kini mahupun pada masa akan datang.

Satu lagi persoalan utama dalam kajian ini adalah berkaitan dengan impak PPB secara keseluruhannya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Hal ini perlu diberi perhatian serius khususnya dalam urusan perencanaan dan penentuan matlamat pendidikan pada peringkat sekolah. Perlu disedari bahawa pendidikan peringkat ini merupakan asas penting dalam proses penyemaian semangat perpaduan yang akan berterusan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Berlatarbelakangkan persoalan-persoalan di atas dan keperluan untuk menanganinya, maka objektif kajian ini adalah dijuruskan kepada perkara-perkara seperti dalam perbincangan berikut.

## 1.5    OBJEKTIF KAJIAN

Seperti yang telah diserahkan dalam perbincangan sebelum ini, ternyata kehadiran PPB semakin penting untuk dimuatkan dalam sistem pendidikan nasional. Justeru, sesuai dengan pengamatan ini, maka objektif kajian ini secara khususnya adalah disasarkan seperti berikut:

- i.      Mendapatkan pandangan pakar tentang konsep PPB secara umum.
- ii.     Mendapatkan pandangan pakar tentang prinsip, falsafah, matlamat dan pelaksanaan PPB dalam sistem pendidikan nasional.
- iii.    Mendapatkan maklumat tentang keperluan dan kepentingan untuk menerapkan strategi PPB dalam sistem pendidikan nasional.



- iv. Mencadangkan kepentingan PPB dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pendidikan nasional khususnya berkaitan dengan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar.

Dalam konteks kajian ini, persepsi dan pandangan pakar tentang PPB akan diteliti bagi mendapatkan maklumat yang relevan dan tepat sebelum dapat dilaksanakan di negara ini. Menerusi penelitian persepsi dan pandangan pakar juga, jangkaan pencapaian matlamat PPB pada masa hadapan boleh dilakukan. Ini adalah kerana pengkaji dapat memberikan maklumat tentang isu-isu penting tentang kesesuaian PPB dalam kaitannya dengan sistem pendidikan di Malaysia di samping tahap kesediaan serta kemampuan pihak yang terlibat dalam pendidikan di Malaysia untuk melaksanakan PPB.

## 1.6 KERANGKA KAJIAN

Dengan latar belakang penduduk yang berbilang kaum dan pelbagai budaya, institusi pendidikan mempunyai peranan untuk membekalkan generasi muda dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Antaranya adalah pengetahuan dan kemahiran tentang kehidupan masyarakat *multicultural* yang menghargai dan menghormati perbezaan budaya. Dalam hal ini, PPB dikenal pasti sebagai unsur nilai tambah yang relevan untuk dilaksanakan melalui sistem pendidikan nasional. Ini kerana persoalan integrasi nasional dan toleransi budaya yang merupakan fokus penting dalam PPB adalah selaras dengan objektif dasar dan sistem pendidikan di Malaysia. Melalui PPB, usaha pemupukan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan rakyat boleh dipertingkatkan demi melahirkan masyarakat yang bertoleransi terhadap kepelbagaian budaya yang sedia wujud di negara ini.

Dengan mengambil kira peri pentingnya PPB sebagai strategi positif dalam usaha merealisasikan perpaduan kaum, adalah wajar sekali PBB dikaji dengan mendalam. Menurut James A. Banks (1994), Pengarah Pusat *Multicultural Education* di University of Washington, PPB ialah konsep yang menjadi satu rangkaian pemikiran atau *a set of beliefs* dan penjelasan yang mengakui serta memberi nilai kepada kepentingan kepelbagaian budaya dan etnik dalam membentuk gaya hidup,



pengalaman sosial, identiti peribadi, kesempatan-kesempatan pendidikan untuk individu, kelompok mahupun sesebuah negara. Banks, seorang profesor yang banyak melakukan penyelidikan dan merupakan peneroka dalam bidang pendidikan berasaskan kesetaraan, dikenali bukan sahaja di Amerika Syarikat malah di seluruh dunia sejak lebih tiga dekad yang lalu. Dalam kegiatan akademiknya, Banks sering mengetengahkan isu berkaitan pendidikan dan ketidaksetaraan ras serta keadilan sosial menerusi tidak kurang 100 artikel dalam jurnal dan 20 buah buku. Karya beliau yang mutakhir berjudul *Diversity and Citizenship Education: Global Perspectives* yang membincangkan aspek kepelbagaian dan perpaduan di 12 buah negara. Berdasarkan penelitiannya, Banks menyatakan bahawa PPB adalah strategi pendidikan yang terbaik bagi membangunkan potensi dan mengorientasikan pemikiran pelajar ke arah mementingkan perpaduan antara rakyat yang berbilang kaum dan budaya.

Berdasarkan idea-idea pokok yang dikemukakan oleh Banks maka kajian ini berusaha membina sebuah model PPB yang dinamakan Model Dimensi PPB bagi dimanfaatkan sepenuhnya dalam kajian ini, seperti yang akan diperjelaskan dengan lebih lanjut di bawah nanti. Model ini memanfaatkan dua sumber utama iaitu pertama, tulisan Banks tahun 1998 tentang impak PPB dan kedua, tulisannya pada tahun 1999 tentang lima dimensi utama dalam PPB. Merujuk kepada impak PPB, Banks memecahkannya kepada 10 impak iaitu :

- i. Menimbulkan kesedaran dalam kalangan ahli masyarakat tentang keunikian budaya kaum-kaum lain.
- ii. Mendedahkan pelajar tentang budaya-budaya etnik
- iii. Memberikan pelajar kemahiran, sikap dan pengetahuan yang diperlukan dalam interaksi intra dan inter etnik.
- iv. Mengurang dan menghapuskan diskriminasi terhadap etnik-etnik tertentu sama ada di sekolah atau dalam masyarakat ekoran perbezaan yang wujud antara mereka seperti dari aspek kaum, fizikal dan ciri-ciri budaya.
- v. Membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran membaca, menulis dan penggunaan teknologi maklumat





- vi. Membantu pelajar meningkatkan lagi kecekapan untuk menghadapi situasi silang budaya dalam masyarakat majmuk.
- vii. Melakukan transformasi terhadap sekolah agar pelajar istimewa, pelajar berlainan jantina, budaya, kelas sosial dan kumpulan etnik mendapat peluang dan pengalaman yang sama rata dalam proses pembelajaran.
- viii. Membantu pelajar membina sikap yang lebih positif terhadap perbezaan budaya, kaum, bahasa dan agama antara mereka.
- ix. Membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.
- x. Membantu membangunkan kemahiran menyatakan pendapat dan pendirian di samping kemahiran menerima pendapat yang berbeza daripada pihak lain.

Beralih pula kepada tulisannya pada tahun 1999, yang didasarkan kepada tulisan beliau tentang 10 impak PPB sebelum itu (1998), Banks menurunkan lima dimensi berikut:

- i. Dimensi pertama ialah Integrasi Isi Kandungan atau *Content Integration*, iaitu penggunaan contoh dan isi pelajaran yang diambil daripada pelbagai budaya bagi diterapkan dalam pengajaran di bilik darjah terutama dalam menerangkan konsep, prinsip dan kesimpulan dalam sesuatu disiplin ilmu.

Penerapan ini bukan sahaja dalam disiplin ilmu sains sosial, bahasa dan muzik, malah dalam semua mata pelajaran lain termasuk sains dan matematik.

- ii. Dimensi kedua, Proses Pembinaan Ilmu Pengetahuan atau *The Knowledge Construction Process* adalah berkait rapat dengan proses meningkatkan kemahiran pelajar dalam memahami, meneliti dan menentukan pengaruh budaya dalam pembinaan sesuatu disiplin ilmu. Pengaruh-pengaruh tersebut termasuklah ciri-ciri kerangka pemikiran,



perspektif, prasangka dan elemen perkauman yang wujud dalam setiap bidang ilmu sama ada bidang sains sosial ataupun sains tulen.

Semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah atau di makmal, pelajar boleh mengenal pasti dan membincangkan permasalahan-permasalahan budaya yang ada kaitan dengan mata pelajaran yang dipelajari.

- iii. Melalui dimensi ketiga, iaitu Pengurangan Prejudis atau *Prejudice Reduction*, setiap pelajaran dan aktiviti yang dijalankan oleh guru hendaklah berupaya membentuk sikap yang positif dalam kalangan pelajar terutamanya yang berkaitan dengan perbezaan kaum dan amalan budaya. Ini adalah kerana setiap pelajar yang datang ke sekolah mempunyai latar belakang budaya yang berbeza-beza selain membawa bersama sikap prejudis dan stereotaip terhadap orang lain

Bahan dan alat pengajaran seperti buku teks dan alat pandang dengar yang memaparkan amalan positif dalam masyarakat *multicultural* boleh digunakan bagi membangunkan sikap lebih terbuka dalam kalangan pelajar terutama untuk berinteraksi dengan kumpulan etnik dan budaya lain yang terdapat di persekitaran sekolahnya. Penggunaan bahan seperti ini hendaklah secara berterusan dan kreatif.

- iv. Dimensi keempat, iaitu Pedagogi Saksama atau *An Equity Pedagogy*, merupakan dimensi yang menegaskan bahawa kaedah dan gaya pengajaran kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah hendaklah selaras dengan isu dan keperluan masyarakat yang *multicultural*.

Pedagogi PPB menekankan peningkatan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar secara menyeluruh tanpa mengira kaum, budaya, jantina dan kelas sosial. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti dan memilih kaedah-kedah pengajaran yang paling sesuai bagi memenuhi keperluan semasa pelajarnya. Guru juga boleh mengubahsuai kaedah-kaedah



tertentu untuk membuat lenturan bagi menghadapi pelajar yang mempunyai keupayaan dan kecerdasan yang berbeza-beza.


- v. Dalam dimensi terakhir, iaitu Pemerkasaan Budaya Sekolah dan Struktur Sosial atau *An Empowering School Culture and Social Structure*, Banks memberikan penekanan kepada fungsi organisasi sekolah khususnya pentadbir, pengajar dan ibu bapa untuk mewujudkan budaya sekolah yang boleh mengeratkan lagi hubungan dan interaksi pihak sekolah dengan masyarakat luar. Dengan interaksi ini, pencapaian akademik dan penyertaan pelajar tanpa membezakan latar budaya, kaum, jantina dan bahasa dapat dicapai sebaik mungkin.

Penglibatan seluruh peringkat dalam organisasi sekolah amat diperlukan bagi memastikan sekolah boleh memberi impak positif kepada masyarakat umum. Ini termasuklah penganjuran aktiviti yang turut melibatkan masyarakat luar seperti acara sukan, kebudayaan, dan sosial.



Bertitiktolakkan asas-asas dimensi tersebut di atas, dan seperti yang dinyatakan sebelum ini, sebuah model telah dibentuk dalam kajian ini yang dinamakan Model Dimensi PPB seperti dalam Rajah 1.1 yang berikut;





Rajah 1.1 Model Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya (PPB)

Sumber: Diadaptasi daripada Banks (1998, 1999)

Petunjuk :



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Dimensi-dimensi PPB :

Saling kait antara dimensi: ← →

Dengan mengaplikasikan Model Dimensi PPB yang dibina di atas itu, pelaksanaan PPB akan diteliti daripada beberapa aspek dalam pendidikan seperti kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pedagogi, pengukuran dan penilaian, latihan guru, institusi sekolah, penyertaan pentadbir, guru dan murid serta masyarakat umum di negara ini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan pakar dalam dua persoalan. Pertama adalah berkaitan dengan kesesuaian dan perihal pentingnya PPB untuk diterapkan ke dalam sistem pendidikan di negara ini secara umum. Menerusi kelima-lima dimensi, PPB dapat diserlahkan dengan lebih menyeluruh bagi mendapatkan pandangan pakar tentang konsep, prinsip dan matlamat PPB dengan tepat dan meyakinkan. Pada masa yang sama, untuk menerapkan kepentingan PPB, kelima-lima dimensi tersebut juga boleh memberi sumbang saran yang signifikan terhadap kepentingan PPB. Persoalan kedua pula menjurus kepada keselarasan matlamat dan strategi PPB dengan falsafah dan objektif pendidikan di Malaysia khususnya untuk mencapai perpaduan kaum.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Pada dasarnya, kajian yang mendalam terhadap PPB di negara ini masih belum dilaksanakan. Konsep dan inti pati PPB juga tidak diberikan tumpuan sepenuhnya dalam meneliti pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia walaupun disedari bahawa *multicultural condition* atau persekitaran pelbagai budaya telah lama berkembang di negara ini. Sebelum ini, perbincangan dan kajian terhadap sistem pendidikan nasional dalam konteks untuk menyatupadukan masyarakat majmuk lebih tertumpu kepada masalah dan langkah untuk mencapai matlamat tersebut. Antaranya adalah penegasan semula terhadap dasar-dasar awam seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK), Dasar Bahasa Kebangsaan (DBK), Rukun Negara, di samping pengenalan subjek-subjek khusus seperti Sivik, Tatarakyat, Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama Islam. Pada masa yang sama, tiada tinjauan mahupun kajian yang mengemukakan pendekatan budaya bagi merangka strategi baharu dalam menghadapi permasalahan perpaduan masyarakat yang semakin *multicultural* sifatnya. Strategi dan pendekatan yang digunakan adalah bersifat kupasan umum, manakala pemerhatian menyeluruh terhadap sistem pendidikan nasional tidak diketengahkan dengan mendalam. Sebaliknya, dalam kajian ini penelitian adalah berfokus kepada permasalahan yang berhubung terus dengan kesesuaian dan strategi pelaksanaan PPB di Malaysia dengan pendekatan bersifat pelbagai budaya atau *multicultural*.

Dengan adanya pengetahuan dan kefahaman yang secukupnya tentang PPB, matlamat pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan nasional akan dapat dicapai sebaik mungkin. Sementara itu, pengajaran di dalam bilik darjah juga menjadi lebih berkesan dan kreatif demi meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar. Pengetahuan dan maklumat budaya boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi menarik minat pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran. Pelajar lebih mudah memahami isi pelajaran kerana memuatkan contoh yang berkaitan dengan kehidupan seharian pelajar, manakala pelajar yang berlainan budaya dapat pula mengenali budaya tersebut dengan lebih dekat.

Di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai strategi telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menghadapi pelbagai isu berkaitan dengan perpaduan dan



masalah perkauman di negara ini. Walaupun strategi berkenaan telah berjaya meredakan permasalahan yang dinyatakan, namun ternyata strategi tersebut adalah sesuai dan berkesan pada period masa tertentu sahaja yakni pada zaman kemerdekaan dan awal pascakemerdekaan. Kesesuaian dan keberkesanan strategi sebelum ini turut bergantung kepada situasi semasa dalam masyarakat, khususnya masyarakat majmuk yang baharu terbentuk pada masa tersebut. Berdasarkan perkembangan masa kini dan cabaran masa hadapan dalam era globalisasi, PPB dilihat sebagai strategi tambahan yang wajar diberi perhatian lebih serius dan berfokus. Dengan kewujudan *multicultural condition* yang semakin ketara di Malaysia, PPB merupakan potensi penting yang boleh diketengahkan dalam sistem pendidikan di negara ini. PPB juga boleh dicadangkan sebagai satu kaedah untuk menangani beberapa isu berbangkit tentang permasalahan perpaduan nasional dan sentimen perkauman yang masih belum berjaya diatasi dengan sebaik mungkin. Dalam konteks kajian ini, diharapkan PPB dapat diketengahkan sebagai suatu strategi yang lebih konkret dalam menghadapi permasalahan berkaitan perpaduan dan perkauman di Malaysia. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan dengan mengenal pasti pendapat pakar tentang kepentingan dan impak PPB kepada negara pada masa hadapan.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat khusus tentang pandangan para pakar pendidikan dan sosiobudaya di Malaysia terhadap PPB bagi menyatupadukan rakyat berbilang budaya. Selain itu, adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan garis panduan kepada perancang dasar dan kurikulum, penulis buku teks dan pendidik untuk menyediakan suasana dan prasarana bagi melaksanakan PPB di sekolah secara umumnya dan bilik darjah khususnya. Para penggubal dasar dan kurikulum juga dapat mengenal pasti aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan supaya sesuai dengan perkembangan semasa dan dapat mengekalkan minat pelajar dalam proses pembelajaran budaya yang berbagai-bagai.

Hasil kajian ini juga dapat dijadikan petunjuk asas kepada pihak pentadbir sekolah bahawa dasar serta galakan mereka merupakan faktor penting dalam penerapan PPB yang berhubung rapat dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar. Para penggubal dasar dan kurikulum boleh mengenal pasti aspek-aspek penting dalam PPB yang perlu diberi penekanan supaya sesuai dengan perkembangan





semasa dan dapat mengekalkan minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, pihak sekolah khususnya guru yang terlibat secara langsung dalam proses P&P dapat melihat secara menyeluruh masalah sikap dan persepsi pelajar dari pelbagai kaum terhadap pembelajaran berasaskan PPB. Dengan itu, guru boleh membuat lenturan dalam perancangan dan mempelbagaikan kaedah P&P selaras dengan keperluan pelajar, masalah dan cabaran yang mereka hadapi.

Sebagai agen proses sosialisasi, sesebuah sistem pendidikan perlu dilandaskan kepada usaha untuk memenuhi keperluan dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk meletakkan fenomena sosial terkini dalam masyarakat majmuk di Malaysia dan hubungannya dalam menentukan hala tuju dasar dan sistem pendidikan nasional yang lebih praktikal. Pada masa yang sama, berasaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk mencapai status pendidikan negara yang bertaraf dunia dan mampu memberikan pengalaman baru kepada pelajar, kepelbagaian budaya seperti etnik, budaya, gender, bahasa dan kelas sosial di dalam dan luar negara harus diberikan perhatian. Pendedahan tentang kepelbagaian budaya boleh dilakukan dengan melaksanakan PPB melalui beberapa pendekatan berkesan seperti kurikulum, pedagogi, bahan dan isi pengajaran yang bersifat *multicultural*.

Safiah Osman (1992) dalam tulisannya *Promoting Cultural Awareness and Understanding Through Reading: Focus on the Malaysian Classroom* menjelaskan bahawa setiap orang memerlukan hubungan dan kaitan dengan orang lain secara tabiinya. Teknik yang paling tepat untuk memulakan dan mengekalkan hubungan tersebut ialah dengan membaca dan memahami budaya, festival, tradisi, sejarah, legenda lagu, muzik dan tarian kaum-kaum lain. Dengan cara ini PPB dapat mendedahkan maklumat yang tepat tentang adat resam dan budaya sesuatu kaum bagi membolehkan komunikasi yang lebih harmoni antara kaum. Jelas bahawa kajian ini dapat memberikan faedah kepada pentadbir dan guru dalam menghadapi pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum kerana PPB juga merupakan faktor yang berhubung rapat dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar.



Berdasarkan aspek yang diberikan tumpuan dalam kajian ini, diharapkan kajian ini dapat mengemukakan garis panduan dalam memperkuuhkan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia, di samping membentuk identiti bangsa menerusi pelaksanaan dasar pendidikan nasional. Tambahan pula kepentingan dan keberkesanannya PPB adalah dinilai berdasarkan gabungan kepakaran yang dimiliki oleh sekumpulan individu yang mempunyai fungsi dan autoriti tertentu dalam sistem pendidikan di negara ini. Diharapkan juga hasil penemuan kajian ini boleh dipertimbangkan dalam merencana sistem pendidikan nasional pada masa hadapan, selaras dengan matlamat memenuhi keperluan semasa masyarakat di samping menjadikan sekolah sebagai agen dalam melahirkan masyarakat, yang bersatu padu.

## 1.8 BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menghadapi beberapa kekangan khususnya berkaitan bahan rujukan yang boleh dijadikan sandaran. Ternyata tulisan dan kajian berkenaan pendidikan pelbagai budaya dan kaedah Delphi masih begitu terhad. Oleh itu, adalah sukar untuk mendapatkan bahan rujukan yang terkini terutamanya berkaitan dengan pendidikan di Malaysia dalam konteks pendidikan pelbagai budaya dan aplikasi kaedah Delphi. Berlatarbelakangkan keadaan kekangan tersebut, kajian ini adalah bersifat mikro, yakni hanya bersandar kepada gabungan pendapat sekumpulan responden tentang suatu persoalan pokok, iaitu kesesuaian dan keperluan melaksanakan PPB di Malaysia. Dengan itu, kajian ini dilaksanakan atas dua premis utama berdasarkan pendapat pakar dalam bidang pendidikan dan sosiobudaya yang merupakan ahli akademik di Malaysia. Pertama, ialah pelaksanaan PPB perlu diteliti dari segi keperluan dan strategi pelaksanaannya di Malaysia. Premis kedua pula ialah kewajaran dan perspektif masa hadapan pelaksanaan PPB di Malaysia. Walaupun kajian ini tidak mengambil responden daripada segenap peringkat dalam sistem pendidikan, namun maklum balas berupa pendapat dan pandangan ahli akademik dalam bidang pendidikan dan sosiobudaya diperlukan melebihi kumpulan lain kerana kajian ini masih berada pada tahap penerokaan awal. Dengan kata lain, kajian ini hanya terbatas kepada usaha untuk memperkenalkan dan membuat penilaian tentang pelaksanaan PPB dalam sistem pendidikan nasional pada masa hadapan, bukan mengukur keberkesanannya.



Selain itu, pengkaji juga dibatasi oleh masa dan keupayaan terutama dalam mengenal pasti dan mendapatkan kerjasama sepenuh daripada pakar-pakar di semua peringkat dalam sistem pendidikan. Kajian ini mendapatkan maklum balas daripada sekumpulan pakar melalui soal selidik Delphi tentang pelaksanaan PPB di negara ini. Kumpulan pakar dalam kajian ini adalah ahli akademik yang merupakan pakar dalam bidang pendidikan dan bidang sosiobudaya. Kedua-dua bidang ini tidak bersifat terpisah atau *dichotomous* kerana bidang pendidikan dan budaya mempunyai perkaitan rapat dan saling mempengaruhi dalam membincangkan sistem pendidikan nasional. Pakar dalam kajian ini bukan sahaja mempunyai kewibawaan dan pengiktirafan dalam kedua-dua bidang secara serentak, malah turut mempunyai jawatan dan kedudukan yang mempunyai pengaruh secara langsung dan tidak langsung dalam menentukan perkembangan dan hala tuju dasar pendidikan negara.

## 1.9 PENUTUP

Sejarah perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia telah membentuk ciri-ciri baru dalam pola kehidupan penduduknya. Dengan kepelbagaian budaya yang semakin ketara, matlamat untuk memperkuatkannya lagi perpaduan nasional dan persefahaman antara kaum menjadi begitu penting. Bagi mencapai matlamat tersebut, dasar dan sistem pendidikan di Malaysia sememangnya begitu memberi keutamaan kepada usaha untuk menerapkan sikap saling mengenali dan memahami serta bertoleransi antara pelajar berbilang kaum. Namun begitu, cabaran terkini dalam masyarakat moden juga tidak dapat dielak sama sekali. Hal ini dapat dilihat melalui rentetan isu berkaitan dengan sensitiviti agama, kaum dan budaya yang kian meruncing dalam masyarakat pada hari ini. Dalam konteks inilah PPB jelas berperanan sebagai strategi dalam pendidikan yang boleh memantapkan lagi usaha untuk mencapai matlamat yang telah dinyatakan. Berdasarkan lima dimensi utama dalam PPB, kajian ini dilaksanakan sebagai satu kajian awal bersifat eksplorasi tentang *multiculturalism* dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu, kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada aspek mikro, iaitu maklum balas daripada kalangan pakar yang terdiri daripada perancang dan pelaksana dasar pendidikan nasional terhadap PPB di negara ini.

